



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PELANJUTAN PERMOHONAN KUOTA PENGGAJIAN PEKERJA ASING SECARA *ONE-OFF* SEKTOR PERKHIDMATAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Dimaklumkan bahawa permohonan kuota penggajian pekerja asing sektor perkhidmatan di bawah seliaan **Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC)** bagi **Sub Sektor Spa, Pusat Kesejahteraan dan Urutan, Hotel, Pulau Peranginan, Golf dan Taman Tema** dilanjutkan seperti berikut:

- Tarikh : 17 September 2025 – 31 Disember 2025
(Isnin hingga Rabu)
Secara temujanji melalui *Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)*
- Masa : 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari
(Waktu mengambil nombor giliran)
8.30 pagi hingga 5.30 petang
(Sesi temuduga)
- Tempat : Pusat Sehenti (*One Stop Centre – OSC*)
Pengurusan Pekerja Asing
Kementerian Dalam Negeri (KDN)
Aras 5, Setia Perkasa 9,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya

2. Permohonan Kelulusan Awal Menggajikan Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955, permohonan kuota serta penetapan tarikh temujanji adalah melalui **Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)** di pautan <https://fwcms.com.my/>. Syarat dan kriteria permohonan boleh disemak dan diperolehi dari laman sesawang KDN di www.moha.gov.my di pautan Hal Ehwal Imigresen.

3. Carta alir permohonan adalah seperti **di lampiran**. Sebarang pertanyaan boleh diajukan ke e-mel osc_kdn@moha.gov.my. Pertanyaan berkaitan FWCMS boleh diajukan kepada Pusat Khidmat Pelanggan FWCMS di talian 03-8689 2822.

Sekian, terima kasih.

**PUSAT SEHENTI PENGURUSAN PEKERJA ASING
BAHAGIAN HAL EHWAL IMIGRESEN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

12 SEPTEMBER 2025

**CARTA ALIR PERMOHONAN KUOTA PENGGAJIAN PEKERJA
ASING SECARA ONE OFF SEKTOR PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

CARTA ALIR	CATATAN
1. Permohonan Kelulusan Awal Menggajikan Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955. ↓ 2. Permohonan kuota ↓ 3. Penetapan tarikh temuduga secara temujanji ↓ 4. Sesi temuduga di OSC KDN. ↓ 5. Pembayaran levi ↓ 6. Muat turun Surat Kelulusan Bersyarat (SKB)	1. Majikan log masuk modul FWe <i>Foreign Workers Centralized Management System (FWCMS)</i> untuk membuat permohonan Kelulusan Awal Menggajikan Pekerja Asing di bawah Seksyen 60K Akta Kerja 1955 daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM). 2. Majikan log masuk modul eQuota FWCMS bagi permohonan kuota dan muat naik dokumen sokongan permohonan. 3. Setelah dokumen permohonan disahkan dalam sistem, majikan memilih tarikh temujanji bagi proses temuduga di <i>One Stop Centre (OSC)</i> Kementerian Dalam Negeri (KDN). 4. Majikan hadir ke OSC KDN bagi proses temuduga bersama panel MOTAC mengikut tarikh temujanji. (Keputusan permohonan pada hari yang sama) 5. Jika permohonan kuota diluluskan oleh panel, majikan perlu membuat bayaran levi secara dalam talian melalui sistem e-Bayaran JIM dalam tempoh 15 hari dari tarikh Akuan Penerimaan (AP) kelulusan dikeluarkan. 6. Majikan memuat turun Surat Kelulusan Bersyarat (SKB) melalui FWCMS. Tempoh sah SKB adalah 12 bulan sahaja.



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

JADUAL SESI TEMUDUGA PERTUKARAN MAJIKAN

PUSAT SEHENTI (ONE STOP CENTRE – OSC) PENGURUSAN PEKERJA ASING

AGENSI KAWAL SELIA	SEKTOR / SUBSEKTOR	HARI
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)	Perkilangan	Isnin - Rabu
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN)	Perkhidmatan: • Restoran • Pencucian dan Pembersihan • Borong dan Runcit • Dobi • Tukang Gunting Rambut • Tukang Emas • Pekerja Tekstil	Isnin - Selasa
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)	Pembinaan	Khamis
Kementerian Perlombongan dan Komoditi (KPK)	Perladangan	Rabu
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	Pertanian:	
	• Tanaman	Selasa
	• Ternakan (Termasuk sarang burung walet)	Rabu
	• Akuakultur	Khamis
Kementerian Pengangkutan (MOT)	Perkhidmatan: • Gudang Darat • Pengendalian Kargo	Rabu

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)	Perkhidmatan: • Perhotelan • Kedi • Premis Kesejahteraan dan Urutan • Pulau Peranginan • Spa	Selasa
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)	Perlombongan, Pengkuarian dan Pemprosesan Mineral	Khamis
Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Perkhidmatan Barang Luluh dan Logam	Isnin

Waktu pengoperasian sesi temuduga OSC KDN

Isnin hingga khamis : 8.30 pagi hingga 5.30 petang

Jumaat : Tiada sesi temuduga

Waktu mengambil nombor giliran temuduga

8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari sahaja

** Kemaskini pada 10 September 2025.*